

DATE:01 /05/2008

Tender kerajaan utama keupayaan syarikat: PM

Kegagalan firma bida harga rendah dapat kontrak tiada kaitan penipuan

Oleh Azman Zakaria,
Abdul Halim Yusoff,
Magertdran Rajagopal
dan Khairul Azran Hussin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan tidak semestinya memberi projek kepada syarikat yang menawarkan tender rendah, sebaliknya akan mengambil kira keupayaan syarikat berkenaan dalam melaksanakannya demi kepentingan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, tidak wajar bagi mana-mana pihak mempertikaikan pemberian tender dengan mendakwa berlaku penipuan semata-mata kerana syarikat yang menawarkan harga rendah gagal memperolehnya.

"Ada orang kadang-kadang bising mengapa yang rendah tak dipilih, seperti ada penipuan. Itu perkara tak baik. Yang penting Kementerian Kewangan dan kementerian terbabit dan Jabatan Kerja Raya sentiasa memberi perhatian teliti kepada hal berkaitan tender," katanya.

Menjawab soalan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Permatang Pauh) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pendekatan itu dilaksanakan supaya kerajaan tidak menanggung kerugian serta mengelakkan pihak tertentu mengemukakan tawaran semata-mata dengan niat mahu mendapatkan tender walaupun hakikatnya tidak berkoupuayaan.

Beliau juga berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian membina keupayaan syarikat tempatan dalam pengagihan projek.

Pendekatan tawaran projek secara runding, katanya, terus juga dijalankan secara teliti dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) menghalusi cadangan dan tawaran sama ada dari segi teknikal dan keupayaan kewangan.

"Kaedah secara runding tei us dengan menjemput svarikat tertetitt nieiifiemukakan cadangan untuk dipertinbangkan biasanya nifelifea"- bitkan projek yang berhubung kait dengan isu keselamatan yang spesifik dan penggunaan teknologi tinggi.



PERINGATAN: Abdullah menunjukkan kepada pemberita dan jurugambar kadnota yang diterima daripada NGO yang mahukan Ahfi Parlimen menunaikan apa yang dijanjikan ketika Pilihan Raya Umum Ke-12 di ruang legar Parlimen, semalam.

"Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), projek bernilai RM165 bilion diluluskan dengan RM63 bilion atau 38 peratus dilaksanakan secara runding terus, manakala bakinya secara tender," katanya.

Abdullah berkata, tender terbuka antarabangsa pula tidak akan dibuat jika ada syarikat tempatan yang berkemampuan melaksanakan sesuatu projek itu dari segi pengurusan dan keupayaan teknikal.

"Tender antarabangsa biasanya membabitkan keselamatan dan peng-

gunaan teknologi tinggi kerana tidak semua syarikat boleh mengambil bahagian dalam projek seumpama itu," katanya.

Menjawab soalan tambahan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) yang menyatakan persepsi rasuah Malaysia menurun kerana kegagalan kerajaan menjalankan tender terbuka mengikut gar is panduan Transparency International, Abdullah menegaskan pelaksanaan sistem itu tidak bermakna kerajaan mengamal atau menggalakkan rasuah.

"Ini sistem kita. Kalau kita ingin ikut apa yang dikehendaki oleh pihak antarabangsa, maka semuanya terbuka. Ia tentu akan menimbulkan masalah kepada syarikat kita yang keupayaan mereka tidak sama dengan syarikat antarabangsa dari segi teknologi dan keupayaan;

"Kita ingin menjalankan sistem yang adil, tetapi ia tidak bermakna tiada langsung kontrak atau tender terbuka pada peringkat antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga mahu memastikan dasar menambah keupayaan syarikat tempatan.

"Kalau kita ingin buka terus... kalau itu caranya, saya ingat rakyat Malaysia tiada kesenipatan untuk membina keupayaan kita sendiri," katanya.

Beliau berkata, perbincangannya dengan pelabur asing mendapati mereka tidak menentang dasar itu, sebaliknya mahu kerajaan menyatakan lebih awal sarna ada tawaran itu tender antarabangsa atau tidak.

"Jangan kita kata tender antarabangsa tetapi apabila syarikat antarabangsa dari negara besar mahu mengemukakan tender, kita beri kepada syarikat Malaysia dengan alasan mengutamakan syarikat tempatan. Ini tidak adil, dan timbul pelbagai tuduhan," katanya.

Beliau berkata, syarikat asing juga menyatakan bahawa pemberian tender secara tertutup atau terhad tidak semestinya ada Imbung kait dengan amalan rasuah.

"Kita adapendekatan, ada kepentingan.. yang perating kita dilaksanakan dengan baik dengan menimbang segala aspek berkaitan sesuatu tender itu. Ini yang mesti diutamakan," katanya.

FAKTA NOMBOR

Kelulusan projek di bawah RMK-9

RM165 b
Nilai Projek

RM63 b

Nilai projek dilaksana secara rundingan terus